



KATALOG BUKU


Buku-buku di dalam katalog ini boleh dipesan melalui:

Angkatan Sasterawan 50
Blk 651 Yishun Ave 4
#02-503 Singapura 760651
Tel: 96219476 / 6759974
Fax: 67597472
Emel: asas50@singapore.com
www.asas50.com

- Kami juga menyediakan pakej buku istimewa bagi para pelajar. Sila hubungi Asas 50 untuk keterangan lanjut.
- Harap maklum bahawa bagi pesanan di bawah \$100, bayaran penghantaran sebanyak \$15 akan dikenakan.


Buku-buku Asas 50 juga boleh didapati di:

Darul Andalus (Wisma Indah)
No. 448 Changi Road #01-04
Singapore 419975
Telefon & Faksimile: 6440 7086
Isnin-Ahad: 9:30 pagi - 6:30 petang




23 buah cerpen yang termuat dalam *TEMAN SIBER* ini merupakan antologi daripada SAYEMBARA yang diadakan selepas bengkel yang dijalankan di kalangan pelajar peringkat menengah dan pasca menengah. Ia memperlihatkan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang dinamik, berani dan progresif tetapi berbudaya dan kukuh jati diri. Ia amat sesuai untuk program pembacaan di sekolah dan mendedahkan pelajar kepada kepentingan nilai. Ia juga sesuai bagi mereka yang ingin meninjau upaya kreativiti para penulis muda Singapura peringkat menengah dan pasca menengah. (Terbitan 2009)

HARGA: \$10




67 kuntum sajak termuat dalam antologi puisi *Bunga Kasih Merah* merupakan hasil aktiviti SAYEMBARA GRAFTERA. Ia merupakan sayembara penulisan kreatif puisi (sajak) menggunakan bahan visual dan bergambar sebagai pencetus atau mangkin kepada luahan idea atau pengaliran inspirasi untuk menghasilkan sajak. Ia merupakan cetusan penyair muda Singapura daripada peringkat sekolah menengah dan pasca menengah. Sajak-sajak ini bermotifkan Kota dan Ikon Singapura, Alam, Malam, dan Bintang Alam Bintang Neon. Ia amat sesuai bagi kegiatan pengayaan dalam memperkenalkan sajak kepada para pelajar. Ia juga sesuai bagi mereka yang ingin meninjau upaya kreativiti para penulis muda Singapura peringkat menengah dan pasca menengah. (Terbitan 2009)

HARGA: \$10




Buku panduan ini direka khas untuk bakal penulis dengan memahami dan menghayati aspek-aspek yang perlu ada dalam sesebuah cerpen dan persediaan-persediaan yang perlu dirancang sebelum menulis sebuah cerpen. Ia amat sesuai bagi bakal penulis untuk mengenali dan memahami aspek dalam pengaliran hasil karya kreatif seperti cerpen dan novel. Buku ini juga disusun dengan bahagian pertama didedahkan tentang pengertian umum cerpen dan aspek-aspek yang membentuk sebuah cerpen. Dengan itu bakal penulis akan mendapat pengetahuan asas yang kukuh sebelum menulis sebuah cerpen. (Terbitan 2009) Penulis Yazid Hussein.

HARGA: \$15




Buku ini merupakan kumpulan kertas kajian mengenai bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu iaitu: bahasa, budaya, sosiologi, antropologi, kesenian, muzik, arkitektur, sastera, dan agama yang membuktikan bahawa bahasa dalam kepelbagaiannya menjana intelektual peribumi Melayu. Ia juga meninjau kekayaan khazanah bangsa Melayu dalam persuratan selama 2000 tahun kewujudannya. (Terbitan Julai 2009)

HARGA: \$20



Buku ini merupakan kumpulan esei dan kritikan sejak 1999 hingga 2009 yang lengkap dalam membincangkan perihal pragmatik bahasa Melayu yang menjangkau pelbagai bidang ilmu khususnya sosiologi, antropologi dan linguistik. Ia disajikan dalam bentuk yang sesuai untuk semua pembaca dan merupakan bahan rujukan komprehensif bagi mereka yang ingin memahami pragmatik bahasa Melayu masa kini. Ia amat sesuai untuk para guru yang memerlukan rujukan spontan dalam memahami perkembangan dan pergolakan bahasa Melayu di Singapura dan rantau ini. (Terbitan Julai 2009). Penulis Mohd Pitchay Gani BMAA.

HARGA: \$20




Buku ini merupakan hasil kajian sarjana Mohamed Pitchay Gani BMAA yang dijadikan sebuah buku lengkap mengenai evolusi bahasa Melayu sejak ia bermula sekitar abad ke 3M hingga ke alam siber di internet. Buku ini menunjukkan bagaimana bahasa itu membiak dengan menggunakan pendekatan teori evolusi Darwin. Ia merupakan rujukan komprehensif dalam memahami dunia bahasa Melayu. Buku ini diterbitkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. (Cetakan Kedua Terbitan Julai 2009).

HARGA: \$20



Karya-karya yang dimuatkan dalam antologi *DIARI HITAM* ini merupakan manifestasi yang begitu jitu akan pengalaman gelap dan peristiwa pahit yang pernah, sedang dan sangat diinsafi para peserta remajanya. Ia merupakan buku yang penuh dengan contoh dan pengajaran bagi para pelajar agar lebih berwaspada dalam pergaulan dan kehidupan harian serta memupuk kesedaran di kalangan ibu bapa agar lebih memahami anak-anak dan bersifat perihatin terhadap keperluan anak-anak masa kini. Ia merupakan buku yang bersifat *intervention* dan amat sesuai bagi program pengayaan di sekolah dan juga kursus bimbingan rumah tangga. (Terbitan 2009)

HARGA: \$10




Karya-karya yang dimuatkan dalam antologi *Perjalananku* merupakan hasil karya para penulis sekolah menengah yang mengikuti bengkel penulisan Asas 50. Ia memuatkan 20 buah cerpen yang memaparkan kehidupan bandar kosmopolitan dari kaca mata penulis muda yang penuh dengan aspirasi, harapan dan cita-cita yang sering berhadapan dengan realiti kehidupan. Ia amat sesuai untuk program pembacaan di sekolah dan mendedahkan pelajar kepada kepentingan nilai. Ia juga sesuai bagi mereka yang ingin meninjau upaya kreativiti para penulis muda Singapura peringkat menengah. Buku ini digunakan untuk kempen BACA! SINGAPURA 2009 anjuran National Library Board. (Cetakan ketiga, terbitan 2009)

HARGA: \$10




Buku ini merupakan buku terkini kumpulan sajak-sajak Abdul Ghani Hamid sepanjang penglibatannya dalam gerakan persuratan tanah air. Ia mengumpulkan 57 sajak terkini penulis yang belum pernah diterbitkan. Kumpulan ini sangat menarik kerana ia merupakan rakaman perjalanan kehidupan penulis yang disalurkan secara puitis dalam sajak-sajak yang beliau hasilkan. Buku ini merupakan buku teks bagi projek Penyair Marhaen 2009 yang dikendalikan di sekolah-sekolah menengah di Singapura. (Terbitan 2008)

HARGA: \$16




Buku Mail Mau Kawin merupakan hasil penulisan budayawan unggul Singapura iaitu Dr Muhammad Ariff Ahmad yang sangat terkenal dan telah diulang cetak sebanyak 5 kali bagi edisi asalnya. Pada alaf ini Mail Mau Kawin diberikan nafas bari dalam bentuk edisi baharu dan telah diberikan penambahan secara penyesuaian agar sejajar dengan perkembangan semasa. Ia penuh dengan aspek budaya dan falsafah kehidupan serta sesuai dijadikan bahan mengajar bagi mendedahkan pelajar kepada keadaan Singapura pada tahun-tahun 70-an dan juga kepentingan meningkatkan diri serta semangat berniaga dalam mencapai taraf kehidupan yang memuaskan. (Terbitan 2008)

HARGA: \$16




Buku ini merupakan direktori pertama di Singapura yang mengungkap dunia budaya Melayu dengan begitu jitu dan mudah difahami. Ia mengandungi ilustrasi yang memberikan gambaran mengenai konsep-konsep dalam budaya yang pernah dan sedang dipraktikkan di Singapura. Ia sangat sesuai untuk pembacaan umum khususnya para pelajar. Buku ini amat baik digunakan para guru untuk memperkenalkan budaya Melayu kepada para pelajar agar menjadi penambah nilai kepada dunia pendidikan Melayu. (Terbitan 2007). Penulis Aliman Hassan.

HARGA: \$10




Kota Siluman merupakan antologi pertama Sayembara Noktah Putih 2006 yang memuatkan antologi cerpen dan sajak bagi kategori remaja dan terbuka. Ia merupakan usaha pertama mengumpulkan karya para pemenang untuk tatapan umum. Buku ini amat menarik kerana ia merangkulkan para penulis veteran dan muda dengan karya-karya yang mencabar minda dan intelektualisme. (Terbitan 2007)

HARGA: \$10




Buku ini merupakan kumpulan sajak terkini penyair mapan Singapura Mohamed Latiff Mohamed. Buku ini memenangi anugerah berprestij “Singapore Literature Prize” 2008 anjuran National Book Development Council Singapore. Buku ini mengumpul 68 kuntum sajak kontemporari penulis merentasi 2000 tahun kewujudan masyarakat Melayu di Nusantara. Buku ini agak istimewa kerana ia dilengkapi dengan glosari frasa estetik yang digunakan penulis. Ia tentunya menjadi panduan terbaik bagi para pelajar dalam menulis sajak dan menghayati keindahan bahasa Melayu. (Terbitan 2007)

HARGA: \$16




Buku ini merupakan khazanah bernilai Warisan Singapura kerana ia memuatkan segenap penulisan Masuri SN. Sebanyak 32 esei yang diterbitkan di ‘Ruangan Berita Minggu’ merupakan hasil penulisan Masuri yang diterbitkan sepanjang tahun 1998-2000. Manakala kumpulan 5 esei Masuri yang dimuatkan dalam buku ini daripada majalah dan jurnal diterbitkan sejak tahun 2000 hingga 2005. Kumpulan kertas kerja Masuri pula memuatkan 9 kertas kerjanya yang dibentangkan di Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura sejak tahun 1977 hingga 2003 dan penglibatannya serantaunya. Buku ini amat baik bagi mereka yang ingin belajar menulis, mendeklamasi dan menghayati puisi daripada Bapa Puisi Moden Nusantara iaitu Masuri SN. (Terbitan 2006)

HARGA: \$16 / \$ 50 bentuk koleksi kulit keras




Leksikon merupakan direktori pertama penulis Melayu Singapura selepas perpisahan daripada Malaysia pada 1965. Ia merangkum 70 penulis Melayu Singapura dalam pelbagai genre dan meniti sejarah perkembangan persuratan Melayu Singapura. Buku ini merupakan rujukan mudah kepada mereka yang berminat mengenalpasti penulis Singapura dan amat berguna bagi para guru dalam memperkenalkan penulis tanah air kepada para pelajar dalam usaha memupuk minat mereka terhadap karya Singapura. (Terbitan 2005)

HARGA: \$8




Buku ini merupakan kumpulan sajak terakhir penyair agung Masuri SN yang menjadi pelengkap kepada sajaknya ke 1000. Ia diterbitkan khas sebagai meraikan anugerah Ijazah Doktor Kehormat Pendidikan yang beliau terima pada tahun 2002 daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Karya-karya di dalam buku ini dilengkapi dengan unsur keilmuan, kesasterawanan, pengalaman dan muhasabah. 147 sajak yang baru diterbitkan dan 64 sajak yang pernah diterbitkan. (Terbitan 2003)

HARGA: \$16




Buku ini merupakan kumpulan sajak penyair mapan Abdul Ghani Hamid. Ia mengandungi 200 puisi terbaik beliau sepanjang penglibatannya di dalam arena persajakan. Buku ini amat menarik dalam memerhati kedinamikan penulis ini merakamkan segenap pengalamannya dalam kepelbagaian kewujudan di alam ini. (Terbitan 2003)

HARGA: \$16



Buku ini merupakan hasil anugerah Cultural Medallion yang diterima Abdul Ghani Hamid pada 1999. Buku meja ini merupakan antara gubahan terbaik Abdul Ghani Hamid kerana ia mendampirkan dua genre iaitu lukisan dan puisi. Abdul Ghani Hamid merupakan seorang pelukis dan penyair yang sangat mesra alam dan mementingkan kemanusiaan dan keharmonian. Buku ini merupakan sumbangan unggul Abdul Ghani Hamid kepada dunia persuratan dan kesenian Singapura. (Terbitan 2005)

HARGA: \$30




Jilid IX 2009

Jurnal Aktivis ini merupakan penerbitan ke 9. Ia merupakan penerbitan tahunan Persatuan Budaya Melayu Institut Pendidikan Nasional Program Latihan Khas Bahasa Ibunda. Ia juga merupakan jurnal paling lama bertahan di Singapura sejak 2001. Ia memuatkan khazanah ilmu bahasa, sastera, budaya, pendidikan, pengajaran dan pembelajaran serta bahan-bahan kajian para guru pelatih dan pengkaji mapan. Ia juga memuatkan profil para aktivis Singapura seperti Hamid Ahmad, Yusnor Ef, Ariff Zahari, Dr Bibi Jan, Dr Abbas Shariff, Maarof Salleh, Cikgu Aidil Subhan, A Samat Ali, dan Drs Masran Sabran dan lain-lain lagi. Ia sangat sesuai untuk para guru bagi kegunaan di bilik darjah dan melengkapkan diri dengan perkembangan semasa khususnya di Singapura dan rantau ini.

HARGA: \$7



Jilid VIII 2008



Jilid VII 2007